

15/04/2002

Pemuda diarah buat persiapan rapi

KUALA KLAUANG, Ahad - Semua ahli Pemuda bahagian dan cawangan diarahkan memberikan tumpuan terhadap membuat persiapan rapi bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata mereka hendaklah komited memastikan keutamaan bagi menjamin calon Barisan Nasional (BN) menang seperti yang diharapkan.

"Suka tak suka, kita akan berdepan dengan pilihan raya umum sebelum pemilihan pucuk pimpinan Umno.

"Ini bermakna perhatian perlu ditumpukan bagi memastikan kemenangan calon BN dan ini semakin penting kerana jentera BN ditunjangi Umno sendiri.

"Kita perlu sedar bahawa kekuatan pemimpin tertinggi, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno, adalah daripada sokongan akar umbi dan kekuatan parti itu sendiri," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan kepada kerjasama padu dalam beberapa pilihan raya kecil lalu yang diadakan di negara ini, semua pemimpin peringkat cawangan dan bahagian amat komited sehingga memberikan kemenangan kepada BN.

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata demikian selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda dan Wanita Umno bahagian Jelevu di Dewan Majlis Bandaran Jelevu, di sini hari ini.

Hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana, Datuk Dr Rais Yatim yang juga ahli Parlimen Jelevu, Ketua Pemuda bahagian, Jalaluddin Alias dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dalam kawasan berkenaan.

Ditanya kemungkinan Pemuda Umno mempunyai program dan strategi khas bagi merampas semula Kelantan daripada Pas, Hishammuddin berkata beliau sudah mengadakan perjumpaan dengan semua ketua Pemuda bahagian negeri itu baru-baru ini membincangkan pelbagai isu dibangkitkan.

"Ini termasuk soal peletakan jawatan Ketua Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed sebagai ketua penerangan parti.

"Semua ketua Pemuda Kelantan sudah membuat pendirian dengan memberikan sokongan padu kepada Mustapa.

"Malah, mereka sudah menyampaikan pendirian mereka kepada Mustapa sebelum beliau meletakkan jawatan sebagai ketua penerangan.

"Jadi, saya yakin dalam apa juga keadaan, Pemuda Kelantan turut memberikan tumpuan kepada usaha memperkukuh usaha merapatkan barisan," katanya.

"Ini bagi memastikan wujudnya suatu gerakan yang padu dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang untuk menawan negeri itu," katanya dengan harapan semoga Mustapa turut bekerjasama dengan Pemuda.

(END)